

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PHARMANIAGA TERIMA PENGIKTIRAFAN DARIPADA  
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

**SHAH ALAM, 7 OKTOBER 2022** – Kumpulan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) menerima lima anugerah daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai pengiktirafan atas kecemerlangan dalam pengurusan dan pembayaran zakat oleh kakitangan dan anak-anak syarikatnya pada tahun 2021.

Pengiktirafan LZS tersebut adalah untuk warga kerja Pharmaniaga Berhad dan Pharmaniaga Manufacturing Berhad; manakala Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd, Pharmaniaga Research Centre Sdn Bhd dan Pristine Pharma Sdn Bhd menerima anugerah menyantuni asnaf dan menunaikan zakat melebihi RM100,000.

Anugerah-anugerah tersebut diterima oleh Dato' Najmuddin Abdullah, Ketua Pegawai Komunikasi dan Pemasaran Pengguna Pharmaniaga yang disampaikan oleh Muhd Fikri Naim Harun, Ketua Divisyen Kutipan LZS di ibu pejabat Pharmaniaga, baru-baru ini.

Dato' Najmuddin berkata pihak Syarikat sentiasa memberi galakan kepada kakitangan beragama Islam yang berkhidmat di Selangor untuk membayar zakat kepada LZS setiap bulan dengan menyediakan kemudahan potongan gaji.

“Tahun lalu, Pharmaniaga berjaya melunaskan sebanyak RM3.5 juta zakat kepada LZS. Kita menyedari bilangan golongan asnaf di Selangor adalah tinggi dan keperluan mereka menjadi lebih mendadak akibat musibah seperti banjir besar yang berlaku pada tahun lalu.

“Ini adalah tanggungjawab Syarikat kami yang patuh syariah. Usaha perniagaan akan terus dipertingkatkan agar mendapat lebih banyak keuntungan dan membolehkan pembayaran zakat berterusan demi membantu LZS meneruskan agenda membantu golongan asnaf.

“Walaupun keadaan ekonomi semakin pulih, ramai daripada golongan asnaf ini masih memerlukan bantuan dan sokongan untuk kembali berdiri setelah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19,” katanya.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

---

**MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

**Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel [najmuddin@pharmaniaga.com](mailto:najmuddin@pharmaniaga.com) atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com).**